

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/6/2016

Muka surat: 4

Tajuk : Kerjasama bangun sumber manusia

# Kerjasama bangun sumber manusia

## Tiada organisasi dapat berperanan tanpa sokongan pihak organisasi lain

Oleh Henrietta Liza

**KUCHING:** Menteri Muda Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh mahu lebih banyak sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), individu dan agensi kerajaan bekerjasama membangunkan sumber manusia yang cenderung dalam bidang keusahawanan.

Beliau percaya tidak ada organisasi boleh beroperasi dan memainkan peranan tanpa sokongan pihak organisasi berlainan.

“Penting kerjasama erat selain mengatur strategi pembangunan untuk mengambil langkah terbaik menjalankannya kerana tidak ada organisasi boleh menjalankan fungsinya dengan sendiri.

“Lebih baik apabila sektor ini turut menyumbang pembangunan sumber manusia teras perniagaan dijalankan dengan baik dan memberi peluang pembangunan bidang yang berpotensi,” katanya ketika menghadiri Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara iCube Innovation Sdn Bhd dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam.

Beliau memuji usaha sektor swasta seperti iCube Innovation Sdn Bhd membolehkan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu bersama membangunkan usaha inovasi dan kreatif agar dapat berkongsi dan bertukar idea



**TERMETERAI:** Patrick (tiga kiri) bertukar dokumen pada MoU dengan UNIMAS diwakili oleh Mohamad Kadim (lima kiri). Turut disaksikan Len (empat kiri) di Kuching, semalam.

bagi keperluan sumber manusia Sarawak.

Setakat ini, iCube Innovation Sdn Bhd memulakan kerjasama erat dengan pihak seperti Tabung Ekonomi Gagasan Anak (Bumiputera) Sarawak (TEGAS), Malaysian Innovation and Creativity Centre (MaGIC), FAME International College, Technology College Sarawak (TCS), Ouryouth.my, Persatuan Kanser Kanak-Kanak Sarawak (SCCS) dan Persatuan Keusahawanan Sarawak (SEA).

Pihak iCube Innovation

“Penting kerjasama erat selain mengatur strategi pembangunan untuk mengambil langkah terbaik menjalankannya kerana tidak ada organisasi boleh menjalankan fungsinya dengan sendiri.”

Datu Len Talif Salleh  
Menteri Muda Alam Sekitar

Sdn Bhd telah dianugerahkan MSC Incubator Status oleh MDeC.

Keseluruhan ruang kerja iCube Innovation Sdn Bhd menempatkan 33 usahawan

kecil dan sederhana (SMEs) turut memberi ruang bagi perniagaan berteknologi pendidikan, pereka laman web, IT Solutions, telekomunikasi dan sebagainya.

Pengasas dan Pengerusi iCube Innovation Sdn Bhd, Datu Patrick Liew menandatangani MoU dengan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi disaksikan oleh Len di sini semalam.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenainya boleh melayari [www.icubeinnovation.my](http://www.icubeinnovation.my).